

Senarai produk sekutu Zionis

BH-30/7/2006

Pemuda serah kepada rakyat pilih sama ada boikot atau terus jadi pelanggan

Oleh Mohd Hamizar Hamid

LUMUT: Pemuda Umno akan menyenaraikan jenama produk serta syarikat antarabangsa beroperasi di negara ini yang dikenal pasti menyalurkan bantuan kewangan kepada rejim Zionis Israel.

Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin, berkata tindakan penyenaraian itu bertujuan memaklumkan kepada orang ramai mengenai produk dan syarikat berkenaan supaya mereka boleh memilih sama ada ingin memboikot atau terus menjadi pelanggan.

Bercakap pada sidang akhbar selepas membentangkan kertas kerja pada Seminar Keusahawanan Pemuda Umno Perak di Teluk Batik dekat sini, semalam, beliau berkata, pihaknya tidak mahu melancarkan sebarang bentuk kempen boikot kerana berdasarkan pengalaman, usaha itu didapati kurang berkesan.

“Saya akan cadangkan untuk kita menyenarai serta mengedarkan senarai syarikat yang dengan jelas menyokong regim Israel melalui keuntungan mereka supaya kita mempunyai kesedaran siapa mereka yang membantu Israel.

“Kita tidak mahu mengumumkan kempen untuk memboikot produk atau sebagainya kerana kempen ini

berdasarkan pengalaman kita selalunya tidak berkesan,” katanya.

Khairy berkata, usaha menyenaraikan nama syarikat yang didapati jelas menyokong dan menyalurkan bantuan kewangan kepada regim Israel sedang dilakukan sebelum ia diedarkan kepada umum.

“Kita mahu menyedarkan orang ramai dan memberi tahu mereka mengenai syarikat ini... rakyat boleh guna hak sebagai pengguna sama ada mahu terus melanggan atau tidak,” katanya.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, pergerakan itu kelmarin ada menerima e-mel mengenai rangkaian kedai kopi antarabangsa yang didakwa menyokong Israel dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada regim Zionis itu.

Beliau berkata, sekiranya perkara itu benar, orang ramai perlu dipertingkatkan kesedaran mereka mengenai produk terbabit, sekali gus membuat penilaian sendiri sama ada mahu terus menyokong produk atau jenama yang mempunyai kaitan dengan Israel.

Khairy berkata, syarikat terbabit mempunyai rangkaian kedainya di negara ini dan jika syarikat itu turut disenaraikan kelak, Pemuda Umno menyerahkan kepada orang ramai untuk menyertai pemulauan itu.



BANTAH KEKEJAMAN: Khairy (tiga dari kanan) bersama Pemuda Umno Perak membakar bendera Israel dan Amerika Syarikat sebagai membantah pencerobohan rejim Zionis itu ke atas Lubnan.